

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SALAHUDDIN B. AYUB (PULAI)

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [PULAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang campur tangan pegawai polis dalam sebarang siasatan terhadap salah laku polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) adalah sebuah Jabatan di bawah PDRM yang bertanggungjawab dalam semua urusan salah laku anggota dan pegawai PDRM. Unit Kajian Kes dan Siasatan akan menjalankan penyiasatan dan menyediakan laporan lengkap terhadap sesuatu kes yang dilaporkan samada pegawai melanggar atau tidak peraturan yang telah ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Pegawai yang bertanggungjawab dalam menguruskan kes-kes tindakan tatatertib, kajian kes dan siasatan telah menandatangani Akta Rahsia Rasmi 1972. Oleh yang demikian segala tindakan dan urusan yang dijalankan adalah sulit. Tiada sebarang campur tangan pegawai polis dalam sesuatu kes memandangkan kes-kes yang disiasat akan dibentangkan di dalam mesyuarat Lembaga Tatatertib.

Jika pegawai atau Lembaga tatatertib berpendapat bahawa perkara itu patut dikenakan hukuman yang tidak termasuk dalam bidang kuasanya untuk dikenakan, pegawai atau Lembaga Tatatertib hendaklah merujuk perkara tersebut kepada Suruhanjaya Pasukan Polis. Kuorum bagi sesuatu Mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada pengerusi dan dua orang anggota yang lain.